

# **ANALISIS BERITA COVID-19 MENGGUNAKAN KONSEP *AD HOC***

**(Analysis of COVID-19 News Using the Ad Hoc Concept)**

*Mohd Syukri Anwar*  
syukri@dbp.gov.my

Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Mohd Syukri Anwar. (2022). Analisis berita COVID-19 menggunakan konsep *ad hoc*. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 29–48. [https://doi.org/10.37052/jb22\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/jb22(1)no2).

Peroleh: <i>Received:</i>	4/2/2022	Semakan: <i>Revised</i>	2/3/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	29/4/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	2/6/2022
------------------------------	----------	----------------------------	----------	-----------------------------	-----------	--	----------

## **Abstrak**

Dalam berita terdapat penggunaan leksikal dan frasa yang taksa dan berbentuk metafora namun masih mampu diproses dengan mudah oleh kognisi pembaca. Kajian ini mengaplikasikan konsep *ad hoc* penyempitan dan konsep *ad hoc* peluasan yang terdapat dalam Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Barsalou (1987). Dengan menggunakan data yang diperoleh daripada portal *Malaysiakini*, pengkaji menganalisis makna sebenar yang dihajati oleh penulis *Malaysiakini* dalam leksikal *menghidupkan* dan *melindungi*, serta frasa *mata pencarian*. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan konsep *ad hoc* penyempitan berjaya menemukan sebanyak enam inferens bagi leksikal *menghidupkan* dan 13 inferens bagi leksikal *melindungi* yang dapat dikategorikan kepada empat bentuk. Penggunaan konsep *ad hoc* peluasan pula berjaya menghasilkan sehingga tiga andaian implikatur bagi frasa *mata pencarian*. Maka, terbukti bahawa setiap leksikal dan frasa mempunyai makna sebenar yang dihajati oleh penulis. Ketaksaan makna akan dapat dikesan melalui analisis konsep *ad hoc* penyempitan dan konsep *ad hoc* peluasan ini.

Kata kunci: Konsep *ad hoc*, ketaksaan makna, metafora, Teori Relevans, makna sebenar, andaian implikatur

***Abstract***

*In the news, there are lexical and phrasal uses that are taxing and metaphorical but can be easily processed by the cognition of the reader. This study applies the ad hoc concepts of narrowing and expansion found in the Relevance Theory introduced by Barsalou (1987). Using data obtained from the Malaysiakini portal, the researcher analyzed the real meaning intended by the Malaysiakini author in the lexical items “menghidupkan” (animate) and “melindungi” (protect), as well as the phrase “mata pencarian” (livelihood). The results showed that the use of the ad hoc concept of narrowing succeeded in finding a total of six inferences for the lexical item “menghidupkan” and 13 inferences for the lexical item “melindungi” that could be categorized into four forms. The use of the ad hoc concept of expansion, on the other hand, succeeded in producing up to three implicature assumptions for the phrase “mata pencarian”. Thus, it is evident that the lexical items and phrase have their actual meaning as intended by the author. The ambiguity of meaning can be detected through the analysis of the ad hoc concepts of narrowing and expansion.*

*Keywords:* *Ad hoc concepts, ambiguity of meaning, metaphors, Relevance Theory, real meaning, implicature assumptions*

## PENGENALAN

COVID-19 yang melanda dunia sehingga hari ini membekalkan pelbagai berita yang mengandungi leksikal dan frasa yang menarik untuk dikaji. Namun begitu, tidak semua leksikal atau frasa ini memberikan makna secara tepat kepada pembaca. Hal ini disebabkan oleh kekaburuan makna yang timbul daripada leksikal atau frasa tersebut. Dalam hal ini, makna leksikal atau frasa tersebut perlu disempitkan untuk mendapatkan makna yang dihajati oleh penutur. Secara kontranya pula, ada leksikal atau frasa berbentuk metafora yang perlu diluaskan maknanya kerana makna harfiah bukanlah makna sebenar yang dimaksudkan oleh penutur.

Dalam bidang semantik, iaitu bidang yang mengkaji makna dalam satu-satu bahasa, masalah leksikal atau frasa yang mempunyai ketaksaan makna dapat diselesaikan menggunakan konsep yang khusus. Konsep ini ialah *ad hoc* penyempitan. Bagi masalah leksikal atau frasa yang berbentuk metafora pula, konsep *ad hoc* juga sesuai digunakan untuk merungkaikannya. Konsep *ad hoc* yang sesuai digunakan untuk merungkaikan masalah leksikal atau

frasa yang berbentuk metafora pula ialah *ad hoc* peluasan. Kedua-dua konsep ini terkandung dalam Teori Relevans.

Dalam kajian ini, tiga data yang diperoleh daripada portal *Malaysiakini* akan dibincangkan, iaitu leksikal *menghidupkan* dan *melindungi*, serta frasa *mata pencarian*. Leksikal *menghidupkan* dan *melindungi* dianalisis dengan menggunakan konsep *ad hoc* penyempitan. Bagi frasa *mata pencarian* pula, konsep *ad hoc* peluasan akan digunakan sebagai alat analisis.

## KOSA ILMU

Kajian tentang laporan berita banyak dilakukan oleh pengkaji lepas dalam beberapa aspek. Antaranya termasuklah makna leksikal dan makna gramatikal (Nur Rahmawati & Didah Nurhamidah, 2018), wacana (Yin Yan Wang, 2021), kohesi leksikal (Sarah Atika Dewi, 2019; Siti Aminataz Zuhriyah, 2020; Fadila Sukma Wijaya, 2020; Tri Putriana, 2021), kalimat efektif dan tidak efektif (Marieta Bona Devita, I G.N.K. Putrayasa dan I Made Madia, 2020) dan pengaruh penggunaan bahasa (Vivekananda *et al.*, 2021).

Secara terperincinya, Nur Rahmawati dan Didah Nurhamidah (2018) mengkaji makna leksikal dan makna gramatikal, serta frekuensi pemaknaan 44 judul berita surat khabar *Pos Kota* edisi 22–28 Mei 2017 menggunakan kaedah deskriptif kualitatif. Kedua-dua pengkaji ini mendapati bahawa makna leksikal dan gramatikal judul berita surat khabar *Pos Kota* sangat sesuai tetapi terdapat beberapa kata yang maknanya salah. Sepuluh makna leksikal yang ditemukan termasuk dalam kelas kata kerja (*mobile*), kata nama (*single* dan *gay*), dan kata adjektif. Sebanyak 34 makna gramatikal yang ditemukan, iaitu makna pengimbuhan (*pemadat*), penggandaan (*sepotong-potong* dan *setengah-setengah*), komposisi (*kalang-kabut*), konversi (*jebol*), dan akronim (*gepeng*). Selain itu, pengkaji turut menemukan leksikal yang belum dimasukkan dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, seperti *shabu*.

Yin Yan Wang (2021) menganalisis 12 laporan berita tentang COVID-19 yang diterbitkan dalam *People's Daily* (China) dan *The New York Times* (Amerika Syarikat) dari aspek wacana menggunakan model tiga dimensi Fairclough dan nahu fungsional sistemik Halliday. Hasil kajian menemukan jumlah yang sama banyak dari segi istilah negatif (contohnya *overwhelmed*, *threatened* dan *paralyze*). Begitu juga istilah dengan maksud merendahkan (seperti *edge*, *neglected* dan *shortage*). Pengkaji menyimpulkan bahawa perbezaan fokus pemberitaan bagi kedua-dua media ini melambangkan

perbezaan ideologi yang disebabkan oleh perbezaan budaya antara kedua-dua negara ini. Bagi China, negara ini menekankan kepentingan kolektif dalam keadaan yang istimewa. Bagi Amerika Syarikat pula, negara ini lebih menumpukan kebebasan individu dan hak asasi manusia.

Sarah Atika Dewi (2019) menganalisis kohesi leksikal dalam wacana berita dalam majalah sekolah *Asparagus* Edisi 2016–2018 dengan menggunakan teknik reduksi data, penyajian data, penarikan kesimpulan, dan verifikasi. Pengkaji ini menemukan bentuk kohesi leksikal, iaitu pengulangan (*kegiatan*), antonim (*para guru* dan *para muridnya*) dan kolokasi (*jawara* dan *mengalahkan*). Bagi bentuk pengulangan, ditemukan repetisi (*Smart Sailing* dan *Smart Sailing*), sinonim (*pertolongan* dan *perawatan*), substitusi (*Cris Sahyato* dan *beliau*), hiponim (*Hari Besar Islam* dan *Hari Raya Idul Adha*) dan ekuivalensi (*kekalah* dan *dikalahkan*). Bentuk antonimi yang ditemukan ialah oposisi hubungan (*para guru* dan *para muridnya*). Selain bentuk ini, pengkaji turut menemukan bentuk kohesi leksikal, iaitu repetisi subtraktif (*Pak Fery Susanto* dan *Pak Fery*).

Siti Aminataz Zuhriyah (2020) menganalisis kohesi leksikal pada berita olahraga dalam surat khabar *Solopos* Edisi Oktober dengan menggunakan kaedah deskriptif kualitatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat enam jenis kohesi leksikal yang ada dalam surat khabar *Solopos*. Daripada enam jenis kohesi leksikal ini, kohesi berbentuk repetisi atau pengulangan paling banyak ditemukan (*Reus, Inter, Lee, Golden Boy, FIFA, Gareth Bale, kedua, Milan dan Paole*). Lima kohesi leksikal yang lain pula kurang ditemukan dalam surat khabar ini. Kohesi leksikal ini ialah kohesi leksikal sinonim (*tampil* dan *performa*, serta *absen* dan *diragukan*), kohesi leksikal antonim (*imbang* dan *kalah*), kohesi leksikal hiponim (*MU* dan *Liverpool*), kohesi leksikal kolokasi (*pendukung, tribun* dan *supporter*), dan kohesi leksikal kesepadan (*klasmen* dan *menang*).

Fadila Sukma Wijaya (2020) menganalisis kohesi leksikal wacana berita pelantikan presiden di media dalam talian *Tempo.Co* menggunakan kaedah deskriptif kualitatif dan teknik pengkajian dokumen atau arsip. Hasil kajian menemukan beberapa jenis kohesi leksikal, iaitu kolokasi (*waktu acara, agenda acara, dan materi sambutan yang akan disampaikan* *Joko Widodo sesudah pelantikan*), hiponim (*tokoh* dan *pejabat*, termasuk *presiden kelima RI Megawati Soekarnoputri, Ketua Umum Partai Gerindra Prabowo Subianto, mantan calon wakil presiden Sandiaga Uno dan Wakil Presiden terpilih Ma'ruf Amin*), kesepadan (*pelantikan* dan *dilantik*), sinonim (*demonstrasi* dan *unjuk rasa*), antonim (*maju* dan

*mundur), pengulangan (keamanan).* Kohesi leksikal jenis pengulangan paling banyak ditemukan untuk memberikan penegasan ulang atau meyakinkan pembaca, selain sebagai pengganti objek atau subjek yang dimaksudkan.

Tri Putriana (2021) menganalisis kandungan artikel jurnal yang bertajuk Kohesi Leksikal dalam *Berita Utama Harian Riau Pos* menggunakan kaedah kualitatif dan teknik analisis kandungan yang dikaji dalam ilmu falsafah (ontologi, epistemologi, dan aksiologi). Berdasarkan analisis kandungan, pengkaji ini mendapati bahawa ontologi atau hakikat objek ilmu yang digunakan adalah bawah pengertian bahasa, pengertian kohesi leksikal, dan pengertian penelitian kualitatif. Walau bagaimanapun, hakikat objek ilmu pada jurnal ini kurang berkesan. Selain itu, pengkaji ini menemukan 40 bentuk kohesi leksikal yang digunakan dalam artikel jurnal ini, iaitu bentuk sinonim (*ujarnya* dan *ucapnya*) bentuk antonim (*lama* dan *baru*), penjaminan makna (*membuat program pembangunan tersendat*), homonim (*awak*) hipernim (*perumahan: rumah tinggal, rumah karton* dan *rumah gerobok*).

Marieta Bona Devita, I G.N.K. Putrayasa dan I Made Madia (2020) mengkaji kalimat efektif dan tidak efektif dalam dua belas video laporan berita wartawan Metro TV pada tahun 2018 dari segi deskripsi, kesalahan dan peratusan menggunakan kaedah deskriptif kualitatif, kaedah agih, dan kaedah deskriptif kuantitatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemahaman wartawan Metro TV terhadap penggunaan kalimat efektif adalah sebanyak 30.22%. Pengkaji ini menemukan 97 kalimat tidak efektif daripada 139 kalimat yang dibahagikan kepada empat jenis, iaitu ketepatan informasi (*Di Sumatera Selatan sendiri akan ada sembilan kabupaten kota yang melaksanakan pilkada dengan jumlah TPS sebanyak 16.899*), kebakuan (*Kemudian, tadi selesai sekitar pukul 16.00 WIB menghadirkan saksi dari pemerintah dan juga dari pihak swasta*), efisiensi (*Kemudian usai dilakukan proses coklit sampai tanggal 18 Februari 2018, pihak KPU Provinsi Jawa Timur nantinya akan melakukan proses atau sidang pleno untuk mengkomparasikan atau membandingkan data yang diterima KPU dari Kemendagri dan juga data yang menjadi temuan di lapangan dari temanteman KPU*) dan kesalahan ganda (*Untuk bisa melakukan proses coklit terhadap 30 juta calon pemilih ini, maka pihak KPU setempat ini menyiapkan total 68.048 petugas*) dan jamak (*Dan selain itu, sejalan dengan itu juga akan dilakukan proses rekonstruksi dan juga rehabilitasi pemukiman warga, di mana ini sudah berlangsung di beberapa desa yang*

*berada di Lombok), dengan kekerapan kesalahan terbanyak adalah dari segi efisiensi.*

Vivekananda *et al.* (2021) mengkaji pengaruh penggunaan bahasa dalam 143 dan 157 laporan berita sukan bola sepak yang diterbitkan dalam surat khabar *Berita Harian* pada tahun 2015 dan 2016, masing-masing, terhadap sikap jurulatih dan pemain bola sepak menggunakan Teori Kegunaan dan Kepuasan (U&G). Hasil kajian mendapatkan bahawa laporan berita sukan dan bahasa yang digunakan sememangnya dapat mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain terhadap prestasi dan persembahan sesuatu pasukan. Dalam hal ini, laporan berita sukan adalah berbentuk positif dan negatif. Contoh ayat positif yang ditemukan ialah “*Walaupun kita menang dua perlawanan awal, saya tidak mahu pemain ambil mudah perlawanan seterusnya termasuk aksi dengan TFCII, malam esok.*” Contoh ayat negatif yang ditemukan ialah “*Prestasi merudum secara tiba-tiba itu sekali gus menimbulkan spekulasi mengenai kedudukan Zainal selaku pengendali skuad The Red Giants itu hingga ada menganggap bekas jurulatih Pahang itu sudah mula berpeluh kepanasan.*” Oleh sebab itu, penyelidik ini menyimpulkan bahawa prestasi pasukan turut dipengaruhi oleh laporan berita.

Berdasarkan kosa ilmu ini, dapat disimpulkan bahawa kajian terhadap laporan berita dari aspek ketaksaan leksikal dan metafora masih belum ditemukan. Oleh sebab itu, kajian ini akan mengisi ruang yang terdapat dalam analisis laporan berita. Dengan menggunakan konsep *ad hoc* yang terdapat dalam Teori Relevans, pengkaji akan menganalisis dua leksikal dan satu frasa yang terdapat dalam laporan berita yang diperoleh daripada portal Malaysiakini.

## METODOLOGI

Pengkaji menggunakan portal berita Malaysiakini sebagai sumber untuk mendapatkan data kajian. Data kajian ini dibataskan pada berita COVID-19 yang diterbitkan antara bulan Mei 2020 hingga bulan Disember 2020. Daripada berita COVID-19 yang telah diperoleh tersebut, pengkaji mengenal pasti leksikal atau frasa yang menunjukkan ketaksaan makna dan berbentuk metafora. Hanya dua leksikal atau frasa yang menunjukkan ketaksaan makna dan metafora, masing-masing, yang akan dipilih untuk dibincangkan.

Bagi analisis data kajian, pengkaji menggunakan konsep *ad hoc* yang diperkenalkan oleh Barsalou (1987) yang merupakan konsep tambahan dalam Teori Relevans. Dalam konsep ini, leksikal yang menunjukkan ketaksaan makna dianalisis dengan menggunakan konsep

*ad hoc* penyempitan, manakala frasa yang berbentuk metafora dianalisis dengan menggunakan konsep *ad hoc* peluasan. Menerusi konsep *ad hoc* penyempitan, pengkaji memberikan kemungkinan makna yang terhasil daripada leksikal berkenaan, seterusnya menggugurkan makna yang tidak relevans untuk meninggalkan makna sebenar yang dihajati oleh penulis berita. Menerusi konsep *ad hoc* peluasan pula, pengkaji membina andaian implikatur, seterusnya memilih kesimpulan implikatur daripada andaian tersebut. Menurut Nurul Huda *et al.* (2015), konsep *ad hoc* penyempitan dapat menyelesaikan ketaksaan makna dengan menyasarkan item leksikal tertentu dan mengukuhkan konsep yang dikod oleh item leksikal tersebut. Konsep *ad hoc* peluasan pula dapat menyelesaikan data berbentuk metafora, kiasan dan perlambangan, serta ujaran bukan literal.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

### (a) Analisis Leksikal *Menghidupkan*

Ayat yang mengandungi leksikal *menghidupkan* ditunjukkan dalam data (1).


- (1) “Sebahagian usaha untuk ***menghidupkan*** semula ekonomi adalah termasuk agar orang mempunyai wang untuk dibelanjakan, maka di sinilah pentingnya Pakej Rangsangan Ekonomi dengan program subsidi upah RM13 bilion.” (<https://www.malaysiakini.com/news/527057>).

Leksikal *menghidupkan* dalam (1) menunjukkan ketaksaan makna. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat (KDE4)*, leksikal *menghidupkan* mempunyai maksud yang luas yang menimbulkan ketaksaan kepada pembaca. Antara maksud yang dikemukakan dalam KDE4 termasuklah membuat supaya hidup (terus bernafas), menjadikan bergerak atau berjalan, menyalakan, menimbulkan kembali kenangan, menjadikan suasana giat dan bersemangat, menyebabkan timbul sesuatu perasaan dan minat.

Dalam ujaran ini, leksikal *menghidupkan* dikaitkan dengan leksikal *ekonomi* yang membawa makna abstrak. Berdasarkan KDE4, leksikal *ekonomi* bermaksud ilmu asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta masalah kewangan. Berdasarkan *Kamus Pelajar Edisi Kedua* pula, leksikal *ekonomi* bermaksud keadaan kekayaan atau kebendaan. Makna ini ialah suatu unsur yang tidak bernyawa. Gabungan antara leksikal *menghidupkan* dengan leksikal *ekonomi* ini akan menghasilkan beberapa makna tertentu. Makna pertama

adalah menjadikan suatu ilmu atau kekayaan itu terus bernafas. Makna kedua adalah menjadikan suatu ilmu atau kekayaan bergerak atau berjalan. Makna ketiga adalah menyalakan suatu ilmu atau kekayaan. Makna seterusnya adalah menimbulkan kembali kenangan tentang suatu ilmu atau kekayaan. Makna berikutnya adalah menjadikan suasana tentang suatu ilmu atau kekayaan giat dan bersemangat. Maksud terakhir adalah menyebabkan timbul sesuatu perasaan dan minat terhadap suatu ilmu atau kekayaan. Namun begitu, maksud ini bukanlah maksud yang dihajati oleh penulis kerana konteks ujaran ini berkenaan orang yang kekurangan wang untuk dibelanjakan.

Bagi mencari maksud sebenar leksikal *menghidupkan* yang menepati maksud sebenar penulis, konsep *ad hoc* penyempitan digunakan. Konsep ini akan menyempitkan makna. Pembaca/pendengar akan memikirkan beberapa inferens dan membuat beberapa kesimpulan berdasarkan maklumat asas yang diperoleh dalam (1) di atas. Inferens merupakan andaian yang diproses dalam minda pembaca. Andaian ini boleh terdiri daripada satu andaian sahaja atau pelbagai andaian. Keupayaan kognisi yang ada akan mewujudkan pelbagai andaian (inferens/kesimpulan) yang boleh dikaitkan dengan leksikal *menghidupkan* seperti yang ditunjukkan dalam rajah Venn (Rajah 1).



**Rajah 1** Pemetaan konsep penyempitan makna bagi leksikal *menghidupkan*.

Berdasarkan pemetaan dalam Rajah 1, inferens yang lahir dalam lingkungan (L) merupakan andaian yang lahir secara umum. Inferens ini timbul apabila pembaca cuba menginterpretasikan makna bagi leksikal *menghidupkan*. Terdapat enam inferens yang mungkin dapat merujuk leksikal *menghidupkan* ini. Antaranya termasuklah menjadikan tumbuh dan membesar, menawarkan semula, dan menyalakan. Selain itu, maksud lain adalah menjadikan suatu objek berfungsi semula, membuat supaya hidup (terus bernafas) dan memberikan bantuan kewangan. Semua inferens ini mengalami proses penyempitan makna untuk menyokong makna konteks sebenar. Apabila makna konteks sebenar diperoleh, makna ini ditandakan dalam lingkungan (C\*).

Inferens menjadikan tumbuh dan membesar digunakan dalam konteks menghidupkan benda bernyawa, seperti tumbuhan, yang sifatnya menjadi semakin tinggi dan lebar. Hal ini bertentangan dengan rujukan bagi leksikal *menghidupkan* ini, iaitu leksikal *ekonomi*. Ekonomi boleh menjadi suatu yang menjadi nyawa kepada negara dan individu secara implisit tetapi ekonomi ini sifatnya hanya berkembang atau menguncup, bukan menjadi tinggi dan lebar. Malah, perkembangan tersebut langsung tidak berkaitan dengan objek konkret yang merujuk ciri fizikalnya kerana hanya melibatkan unsur abstrak yang terdapat pada leksikal ekonomi. Seterusnya, inferens **menawarkan semula** membawa maksud mengadakan suatu perkara yang telah tiada. Inferens ini seakan-akan boleh diterima kerana bersifat logik jika merujuk leksikal ekonomi, iaitu menawarkan semula subjek ekonomi pada peringkat persekolahan atau universiti. Hal ini mungkin berlaku apabila subjek tersebut sudah tidak ditawarkan disebabkan kurangnya minat dalam kalangan pelajar untuk mempelajari subjek tersebut atau masalah lain. Namun begitu, apabila dibandingkan dengan konteks ujaran ini yang menunjukkan ciri perbelanjaan wang, inferens ini juga bukanlah maksud sebenar yang diinginkan oleh penulis.

Berikutnya, inferens **menyalakan** pula sesuai digunakan dalam konteks menghidupkan sesuatu yang konkret dan bersifat telah padam, seperti api dan lampu, untuk menjadi bercahaya; atau menghidupkan sesuatu yang abstrak dan bersifat telah padam, seperti perasaan yang terkandung dalam diri seseorang, untuk menjadi bersemangat. Apabila dipadankan inferens ini dengan leksikal ekonomi, makna yang terhasil adalah tidak logik. Hal ini dikatakan demikian walaupun inferens “menyalakan” ini boleh digunakan untuk sesuatu yang abstrak seperti leksikal ekonomi, tetapi leksikal ekonomi tidak mempunyai sifat boleh padam dan dinyalakan. Maka, inferens ini juga tidak menepati konteks yang dimaksudkan dalam ujaran ini.

Inferens **menjadikan sesuatu objek konkrit itu berfungsi semula** membawa maksud, perbuatan yang membolehkan sesuatu yang tidak berfungsi boleh berfungsi semula. Biasanya, perbuatan menghidupkan ini dikaitkan dengan suatu benda konkrit yang mempunyai ciri mekanikal. Sebagai contohnya, perbuatan menghidupkan enjin kendaraan dan lampu supaya boleh berfungsi. Oleh sebab inferens ini memerlukan gandingan leksikal yang bersifat konkrit sahaja sedangkan leksikal ekonomi bersifat abstrak, maka inferens ini akan digugurkan.

Bagi inferens membuat supaya hidup (terus bernafas), perbuatan ini dilakukan kepada objek bernyawa, seperti manusia. Contohnya, doktor yang menghidupkan pesakit yang degupan jantungnya terhenti dengan menggunakan mesin renjatan elektrik. Dengan menggunakan mesin ini, jantung yang telah berhenti berdenyut, kembali berdenyut semula. Inferens ini sama sekali tidak sesuai dipadankan dengan leksikal ekonomi yang tidak mempunyai sifat bernyawa. Maka, inferens ini juga bertentangan dengan kehendak penulis dalam ujaran di atas.

Akhir sekali, inferens **memberikan bantuan kewangan** merujuk perbuatan yang dilakukan oleh sesuatu pihak yang mempunyai duit kepada sesuatu yang bersifat konkrit seperti manusia atau sesuatu yang bersifat abstrak, seperti sektor tertentu. Apabila dipadankan dengan leksikal ekonomi, inferens ini dilihat sangat tepat untuk menggambarkan konteks ujaran penulis. Hal ini dikatakan demikian kerana leksikal ekonomi merujuk satu daripada sektor penting untuk mana-mana negara di dunia. Setelah digandingkan kedua-dua leksikal ini dengan inferens memberikan bantuan kewangan ini, terhasilah maksud menghidupkan semula sektor ekonomi yang hampir mati disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan ramai orang kehilangan pekerjaan dan banyak syarikat yang tidak dapat meneruskan operasinya. Oleh sebab itu, leksikal *menghidupkan* ini merujuk perbuatan memberikan bantuan kewangan kepada sektor ekonomi supaya terus berkembang dan tidak mati.

### **(b) Analisis Leksikal *Melindungi***

Ayat yang mengandungi leksikal *melindungi* ditunjukkan dalam data (2).


- (2) “Noor Hisham berkata, penting untuk *melindungi* negeri-negeri zon hijau ini, terutama daripada mereka yang datang dari zon merah” (<https://www.malaysiakini.com/news/551188>)

Leksikal melindungi dalam (2) mempunyai maksud yang luas yang menimbulkan ketaksaan kepada pembaca. Antara maksud yang dikemukakan dalam *KDE4* termasuklah menudung supaya tidak kelihatan, memberikan pertolongan, membela, memberi naungan, tidak memperlihatkan atau mendedahkan sesuatu, menyelimiuti kebenaran dan menyelubungi.

Dalam ujaran di atas, leksikal *melindungi* merujuk frasa nama *negeri-negeri zon hijau*. Frasa ini pula memberikan andaian makna atau inferens yang pelbagai. Pertama, negeri yang berwarna hijau. Kedua, negeri yang mempunyai banyak tumbuhan hijau. Ketiga, negeri yang menerapkan konsep hijau, iaitu bebas pencemaran. Makna ini menunjukkan unsur tempat atau kawasan yang ditandai oleh satu garis sempadan yang melingkunginya. Apabila leksikal *melindungi* digabungkan dengan frasa nama *negeri-negeri zon hijau*, terhasilah makna yang tertentu. Antara makna tersebut adalah menjadikan negeri itu tidak kelihatan; menolong, membela dan menaungi negeri tersebut. Gabungan leksikal ini juga boleh bermaksud tidak memperlihatkan atau mendedahkan negeri tersebut; menyelimiuti negeri itu dengan kebenaran; dan menyelubungi negeri itu. Walau bagaimanapun, maksud ini bukanlah maksud sebenar yang dihajati oleh penulis kerana konteks ujaran ini adalah tentang langkah pencegahan penyakit berjangkit, iaitu COVID-19.

Bagi mencari maksud sebenar leksikal *melindungi* yang menepati maksud sebenar penulis, konsep *ad hoc* penyempitan digunakan. Konsep ini akan menyempitkan makna. Pembaca/pendengar akan memikirkan beberapa inferens dan membuat beberapa kesimpulan berdasarkan maklumat asas yang diperoleh dalam (2) di atas. Inferens merupakan andaian yang diproses dalam minda pembaca. Andaian ini boleh terdiri daripada satu andaian sahaja atau pelbagai andaian. Keupayaan kognisi yang ada akan mewujudkan pelbagai andaian (inferens/kesimpulan) yang boleh dikaitkan dengan leksikal *melindungi* seperti yang ditunjukkan dalam rajah Venn dalam Rajah 2.

Berdasarkan pemetaan dalam Rajah 2, inferens yang lahir dalam lingkungan (L) merupakan andaian yang lahir secara umum. Inferens ini timbul apabila pembaca cuba menginterpretasikan makna bagi leksikal *melindungi*. Inferens yang mungkin dapat dikaitkan dengan leksikal *melindungi* ini dapat dibahagikan kepada empat bentuk. Bentuk pertama menunjukkan perbuatan menjaga daripada bahagian atas, iaitu inferens **menutupi**, **menudungi**, dan **memayungi**. Bentuk kedua juga menunjukkan perbuatan menjaga daripada bahagian atas, tetapi



**Rajah 2** Pemetaan konsep penyempitan makna bagi leksikal *melindungi*.

lebih merujuk konteks pemerintah atau raja, iaitu inferens **menaungi**. Bentuk ketiga menunjukkan perbuatan menjaga daripada ancaman yang menggugat keselamatan dan keamanan negeri atau negara, iaitu inferens **membela, mempertahankan, menjaga** dan **mengawal**. Bentuk keempat, iaitu perbuatan menjaga daripada bahagian tepi secara berkeliling, iaitu inferens memagari dan membentengi. Semua inferens ini akan mengalami proses penyempitan makna untuk menyokong makna konteks sebenar. Apabila makna konteks sebenar diperoleh, makna ini ditandakan dalam lingkungan (C\*).

Inferens **menutupi**, **menudungi** dan **memayungi** yang membawa maksud melindungi dari bahagian atas ini biasanya dilakukan secara fizikal menggunakan objek yang konkret, seperti plastik, kain dan jaring. Apabila perlu melakukan perlindungan dari bahagian atas, secara fizikalnya, diperlukan satu penyangga atau tiang untuk membolehkan bahan yang digunakan untuk melindungi ini dapat diletakkan tanpa terjatuh. Penyangga atau tiang yang diperlukan ini pula biasanya disambungkan terus pada bahagian tengah dan tepi objek tersebut. Jika makna ini digunakan kepada frasa nama *negeri-negeri zon hijau*, perbuatan menjaga daripada bahagian atas ini dilihat sebagai suatu perbuatan yang tidak munasabah. Hal ini dikatakan demikian kerana saiz negeri yang terlalu luas tidak memungkinkannya untuk ditutup, ditudung atau dipayungi. Inferens ini lebih sesuai digunakan kepada objek yang tidak terlalu besar. Contohnya,

digunakan apabila ingin menutupi kereta, menuungi makanan dan memayungi manusia.

Bagi inferens **menaungi** yang dikaitkan dengan kuasa pemerintah atau Raja (termasuklah Sultan yang menaungi sesebuah negeri atau Yang di-Pertuan Agong yang menaungi negeri yang tidak mempunyai raja atau sultan), inferens ini lebih merujuk perbuatan menjaga dari aspek tanggungjawab. Dalam hal ini, pihak yang kedudukan sosialnya berada di atas akan menaungi pihak yang kedudukan sosialnya berada di bawah. Contohnya, pemerintah atau Raja akan menaungi rakyat yang berada di bawah pemerintahan dan naungannya. Oleh sebab itu, perbuatan melindungi dengan cara menaungi ini juga bukan makna yang sesuai dengan konteks ujaran di atas.

Seterusnya, inferens **membela, mempertahankan, menjaga** dan **mengawal** yang biasanya digunakan dengan maksud menjaga daripada ancaman yang menggugat keselamatan dan keamanan negeri atau negara biasanya melibatkan ancaman berbentuk manusia atau negara lain. Sebagai contohnya, melindungi daripada serangan pengganas, komunis, pemberontak atau mana-mana negara yang mengancam kedaulatan Malaysia. Biasanya, ancaman ini berserta dengan penggunaan senjata api dan bom, serta dilakukan secara terancang dalam jumlah yang ramai. Pihak yang bertanggungjawab dalam perbuatan melindungi ini ialah pihak keselamatan, seperti polis dan tentera yang berada di bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Yang di-Pertuan Agong, masing-masing. Inferens ini tidak relevans dengan konteks yang ingin disampaikan oleh penulis ayat tersebut.

Pengguguran inferens yang tidak menepati konteks ujaran menyebabkan satu sahaja inferens yang boleh dipertimbangkan, iaitu inferens **memagari** dan **membentengi** yang bermaksud melindungi dari bahagian tepi secara berkeliling. Apabila sesebuah negeri itu ingin mengelakkan kemasukan sesuatu yang bukan pengganas atau pemberontak, tetapi orang yang membawa penyakit, perbuatan melindungi sempadan negeri dengan cara memagari atau membentengi dilihat sangat tepat. Tindakan ini dapat mengelakkan kemasukan orang yang datang dari kawasan berisiko penyakit, seterusnya dapat memastikan kawasan yang bebas daripada jangkitan tertentu kekal tiada jangkitan. Malah, larangan rentas negeri yang dikuatkuasakan oleh kerajaan untuk mengelakkan pergerakan manusia antara satu negeri ke satu negeri yang lain menguatkan lagi inferens ini. Oleh sebab itu, inferens ini merupakan inferens yang sangat tepat untuk menggambarkan leksikal *melindungi*.

### (c) Analisis Frasa *Mata Pencarian*

Ayat yang mengandungi frasa *mata pencarian* ditunjukkan dalam data (3).

- (3) Tengku Zafrul berkata kesimpulannya, perkara paling penting ialah rakyat Malaysia menjaga antara satu sama lain, majikan dan seluruh warganya kerana tanpa rakyat, tiada jugalah ekonomi. “Pada akhirnya, keseimbangan di antara nyawa dengan *mata pencarian*, nyawa sentiasa perlu diutamakan. Jangan kita lupakan itu.” [<https://www.malaysiakini.com/news/527057> ].

Frasa *mata pencarian* dalam (3) berbentuk metafora dan mempunyai maksud yang perlu diluaskan. Persekutaran pendengar memberikan maklumat bahawa mata ialah pancaindera manusia yang digunakan untuk melihat (Nunu Nurdiana, Enang Rusnandi & Tryo Mastryana, 2017). Kedudukan mata manusia adalah pada bahagian hadapan kepala untuk menghasilkan penglihatan binokular, bukannya di tepi seperti beberapa spesies haiwan, contohnya ayam dam burung yang menghasilkan penglihatan monokular. Menurut Jen Ainoa (2022), penglihatan binokular membolehkan kedua-dua mata bekerjasama untuk memberikan fokus pada satu titik. Otak kemudiannya memproses maklumat itu untuk menentukan kedalaman atau jarak ke titik tersebut. Sebaliknya, penglihatan monokular menghalang mata untuk memberikan fokus pada satu titik yang sama.

Jika tidak mempunyai tangan dan kaki, seseorang itu masih boleh menggunakan mata untuk mencari rezeki, seterusnya berfikir tentang apa-apa yang harus dilakukannya. Tanpa mata, manusia tidak dapat melihat dan peluang pekerjaan menjadi terhad, terutamanya yang menjanjikan pendapatan yang lumayan. Menurut George Thomas yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB) dalam Bernama.com ([https://www.bernama.com/bm/b\\_fokus/news.php?id=2053233](https://www.bernama.com/bm/b_fokus/news.php?id=2053233)), batasan peluang pekerjaan antara punca yang menyebabkan orang kelainan upaya (OKU) bagi kategori cacat penglihatan menjadikan aktiviti mengemis untuk mencari rezeki, lebih-lebih lagi apabila berlakunya wabak COVID-19. Menurut Mohammad Huzaifah Ahmad yang merupakan Presiden Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia (PPOBM) dalam Fadila (2021), OKU penglihatan sukar mendapatkan pekerjaan. Setiausaha PPOBM, Sakinah Hasssan turut senada dengan presidennya dalam Fadila (2021) apabila berpandangan bahawa secara umumnya, OKU penglihatan tidak dapat hidup berdikari

dan memerlukan bantuan orang lain disebabkan oleh sikap masyarakat yang tidak peka terhadap golongan ini.

Namun begitu, pandangan setiausaha PPOBM ini tidak mencerminkan keseluruhan OKU penglihatan kerana masih terdapat golongan ini yang membuktikan bahawa mereka mampu berdikari. Dalam laporan oleh Nazri (2019), terdapat OKU penglihatan yang mampu berdikari dan mengurus dirinya sendiri, termasuk memasak dan membasuh pakaian walaupun hidup bersendirian. Malah, terdapat OKU penglihatan yang mampu menempatkan diri dalam sektor awam di Malaysia walaupun dalam jumlah yang rendah, iaitu 0.3% daripada keseluruhan OKU penglihatan (Bernama.com, [https://www.bernama.com/bm/b\\_fokus/news.php?id=2053233](https://www.bernama.com/bm/b_fokus/news.php?id=2053233)).

Mata sangat penting kepada manusia kerana mampu mempengaruhi tindakan tangan dan kaki. Ketiga-tiga organ ini saling berinteraksi dalam hubungan yang dikenali sebagai koordinasi mata-tangan-kaki menerusi, 35% korteks motor otak yang dikhususkan untuk penggunaan tangan dan kaki (abllab.com, <https://www.abllab.com/blogs/12-foundations-of-learning-readiness/eye-hand-foot-coordination>). Korteks motor otak ini pula akan membantu otak untuk menggambarkan apa-apa yang difikirkan bergantung pada koordinasi mata-tangan-kaki tersebut. Menerusi fakta sains ini, kognisi pembaca dapat mengaitkannya dengan keadaan ketika melihat makanan yang sedap yang menyebabkan seseorang itu menggerakkan kakinya untuk melangkah ke arah makanan, seterusnya menyebabkan tangan digerakkan untuk mengambil makanan dan menuap makanan itu ke dalam mulut. Oleh sebab itu, pembaca mengetahui bahawa mata ialah sumber yang menjadi punca bagi pergerakan tangan dan kaki menerusi koordinasi mata-tangan-kaki. Oleh sebab itu, persekitaran pendengar membekalkan maklumat bahawa mata menjadi sumber atau punca untuk mendapatkan sesuatu.

Leksikal *pencarian* pula memberikan gambaran tentang usaha yang dilakukan apabila sesuatu yang dimiliki telah hilang atau ingin memiliki sesuatu yang belum dimilikinya Bagi makna perkamusn daripada KDE4 pula, leksikal *pencarian* bermaksud perbuatan mencari. Secara umumnya, perbuatan mencari ini memerlukan mata (Siti Farihan Anuar, 2011). Mata inilah yang akan menentukan pencarian yang baik atau jahat kerana jika mata (pandangan) tidak dijaga, mata ini akan merangsang pemikiran negatif dan perbuatan yang melanggar batasan agama (Dzikri Nirwana, 2019). Setiap perbuatan jahat (dosa) pula akan meninggalkan titik hitam pada hati (Muhammad, 2019). Oleh sebab itu, mata sememangnya mempunyai kaitan rapat dengan hati. Menurut Tok Jabit (2016), mata mempunyai

tindak balas langsung dengan kesihatan hati. Contohnya, mata merah menandakan paras toksin yang tinggi, mata kabur menandakan berlakunya proses penyeimbangan hati, mata yang mempunyai tahi mata menandakan fungsi hati yang lemah, mata yang mengeluarkan air mata menunjukkan hati yang terganggu dari sudut emosi.

Hati manusia pula biasanya akan mencari sesuatu yang berbentuk material dan kebendaan yang menjadi keperluan hidupnya sehingga menjadikan hatinya cinta kepada dunia (Zamanuddin, 2015). Walaupun sesuatu keperluan itu telah dipenuhi, usaha mencari ini tidak berhenti kerana hati mempunyai sifat yang tidak pernah puas (Dini Koswarini, 2021). Usaha mencari ini hanya terhenti apabila seseorang itu menutup mata (mati) yang menjadi pintu atau sumber yang mendorong kepada keinginan hatinya kerana mati itu pemutus kepada kelazatan dunia (Vitrianda Hilba, 2021).

Dalam ujaran ini, gabungan leksikal *mata* dengan leksikal *pencarian* langsung tidak merujuk maksud mata yang ada pada kepala manusia, sebaliknya merujuk suatu maksud yang berunsur metafora. Oleh sebab itu, maksud yang dicari ini perlu diluaskan konsepnya dengan menggunakan konsep *ad hoc* peluasan supaya maksud yang dihajati oleh penulis tercapai. Dalam konsep ini, beberapa andaian implikatur dibina untuk merungkaikan maksud frasa *mata pencarian*.

### **Pembinaan Inferens bagi Frasa Mata Pencarian**

Andaian implikatur

1. Mencari mata yang baik.
2. Menggunakan mata untuk mencari sesuatu.
3. Mencari sumber pendapatan\*.

Andaian implikatur pertama dan kedua merupakan kesimpulan yang mustahil untuk menerangkan maksud leksikal *mata* yang bergabung dengan leksikal *pencarian*. Walaupun kedua-dua andaian implikatur ini boleh membawa maksud yang boleh diterima, tetapi konteks penerimaannya adalah berbeza daripada ujaran ini. Andaian implikatur pertama benar jika konteksnya ialah pesakit mata yang mengalami kerosakan mata yang ingin mencari mata yang baharu sebagai ganti kepada matanya yang rosak. Hal ini dikatakan demikian kerana mata yang rosak ini boleh diganti dengan menggunakan kaedah transplantasi atau pemindahan organ.

Andaian implikatur kedua pula benar jika konteksnya ialah seseorang yang kehilangan sesuatu. Untuk mencari sesuatu, seseorang itu mestilah menggunakan mata. Hal ini disokong dengan pesanan orang tua-tua yang menyatakan “kalau mencari sesuatu, carilah dengan mata, bukan mencari dengan lutut”. Begitu juga, jika seseorang itu memejamkan matanya, benda yang dicari itu tidak akan ditemukan langsung.

Bagi andaian implikatur ketiga, kognisi manusia menyatakan bahawa maksud mencari sumber pendapatan inilah kesimpulan yang paling tepat bagi menerangkan makna leksikal *mata* yang bergabung dengan leksikal *pencarian*. Mata ini digunakan sebagai asas dan sumber untuk melihat dan mencari sumber pendapatan yang dirasakan sesuai dengan dirinya. Sebagai contoh, orang yang berpelajaran tinggi biasanya akan melihat jawatan tinggi sebagai kerja yang perlu dicari, sebaliknya bagi orang yang kurang berpelajaran, jawatan rendah sudah memadai bagi dirinya. Hal ini selari dengan pepatah ukur baju di badan sendiri yang bermaksud tiap-tiap pekerjaan itu hendaklah dipilih sesuai dengan kebolehan yang dimiliki (MAKSUD PERIBAHASA. <https://maksudperbahasa.com/ukur-baju-di-badan-sendiri/>).

Dengan merujuk semula leksikal *pencarian* yang dibincangkan sebelum ini yang menunjukkan bahawa pencarian daripada hati biasanya bermatlamatkan suatu yang berbentuk kebendaan dan peranan mata yang mampu mempengaruhi tangan dan kaki untuk tindakan mencari tersebut, maka andaian ketiga ini dapat dikukuhkan. Proses pengukuhan maklumat ini selari dengan proses penguatan maklumat bersandarkan Teori Relevans kerana andaian pembaca berjaya dikuatkan dengan maklumat daripada penutur. Kehadiran maklumat ini memudahkan pembaca menginterpretasikan makna yang dihajati, yang secara tidak langsung keadaan ini merendahkan usaha memproses makna tersebut. Apabila usaha yang dilakukan oleh pembaca untuk memproses frasa *mata pencarian* tersebut rendah, maka makin relevanlah andaian makna yang diberikan. Dengan adanya proses penguatan terhadap andaian awal ini andaian pembaca dapat disahkan tepat dengan usaha memproses yang rendah untuk menghasilkan kesan konteks yang kuat. Ringkasan proses peluasan makna bagi frasa *mata pencarian* ini dapat ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Proses peluasan makna bagi frasa *mata pencarian*.

Leksikal	Rujukan	Bentuk Logik	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur	Jenis <i>Ad Hoc</i>
Mata	Pencarian	Alat pancaindera pada muka manusia atau binatang yang digunakan untuk melihat	1. Mencari mata 2. Menggunakan mata untuk mencari sesuatu 3. Mencari sumber pendapatan*	Mencari sumber pendapatan	<i>Ad hoc</i> peluasan

**KESIMPULAN**

Penggunaan leksikal dan frasa tertentu yang bersifat taksa dan berbentuk metafora dalam laporan berita terbukti merupakan suatu tindakan yang dilakukan secara sedar oleh penulis. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis telah mempertimbangkan keupayaan pembaca untuk memproses leksikal dan frasa tersebut dengan kos memproses yang rendah. Dengan membekalkan rujukan tertentu dalam laporan berita tersebut, pembaca dapat menggunakan kognisinya untuk menghasilkan inferens, seterusnya menghasilkan kesimpulan implikatur yang bertepatan dengan maksud penulis. Oleh sebab itu, dapat disimpulkan bahawa dengan menggunakan konsep *ad hoc* penyempitan dan *ad hoc* peluasan, leksikal *menghidupkan* dan *melindungi*, serta frasa *mata pencarian* dalam laporan berita *Malaysiakini* dapat ditafsirkan maknanya. Secara tidak langsung, konsep *ad hoc* penyempitan dan *ad hoc* peluasan terbukti mampu memandu pembaca memperoleh makna yang tepat.

**RUJUKAN**

- Barsalou, L.W. (1987). The instability of graded structure: Implications for the nature of concepts. *Journal of Experimental Psychology: Learning, Memory, and Cognition*, 11(4), 101–140.
- Dini Koswarini. (2021). Hati yang tidak pernah puas. Dicapai pada 20 April 2022, daripada <https://www.islampos.com/hati-yang-tidak-pernah-puas-243908/>
- Dzikri Nirwana. (2019). Menjaga pandangan dalam Islam. UIN ANTASARI. Dicapai pada 19 April 2022, daripada <https://www.uin-antasari.ac.id/menjaga-pandangan-dalam-islam/>

- Eye/Hand/Foot coordination. Action base learning. Dicapai pada 15 April 2022, daripada <https://www.abllab.com/blogs/12-foundations-of-learning-readiness/eye-hand-foot-coordination>
- Fadila Awaludin. (2021). Cabaran hidup golongan buta dalam masyarakat yang tidak memahami. *MALAYSIANOW*. Dicapai pada 19 April 2022, daripada <https://www.malaysianow.com/berita/2021/03/22/cabaran-hidup-golongan-buta-dalam-masyarakat-yang-tidak-memahami/>
- Fadila Sukma Wijaya. (2020). Kohesi leksikal wacana berita pelantikan presiden di media daring *Tempo.Co*. *MAHAKARYA: Jurnal Mahasiswa Ilmu Budaya*, 1(1), 11–21.
- Jen Ainoa. (2022). What is the difference between monocular and binocular vision? <https://www.thehealthboard.com/what-is-the-difference-between-monocular-and-binocular-vision.htm>
- K'jaan berhubung dengan 10 pengeluar vaksin Covid-19. (2020). *Malaysiakini*. Dicapai pada 18 November 2022, daripada <https://www.malaysiakini.com/news/551088>
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. MAKSUD PERIBAHASA. Dicapai pada 20 April 2022, daripada <https://maksudperibahasa.com/ukur-baju-di-badan-sendiri/>
- Marieta Bona Devita, I G.N.K. Putrayasa & I Made Madia. (2020). Kajian kalimat efektif pada laporan berita reporter *Metro TV. Humanis: Journal of Arts and Humanities*, 24(1), 60–68.
- Muhammad Masrur. (2019). Dosa itu seperti titik hitam di hati, Ini penjelasan ulama. Bincang syariah. Dicapai pada 19 April 2022, daripada <https://bincangsyariah.com/kalam/dosa-itu-seperti-titik-hitam-di-hati-ini-penjelasan-ulama/>
- Nazri Abu Bakar. (2019). Buka bukan penghalang untuk berdikari. *BHONLINE*. Dicapai pada 19 April 2022, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/06/570303/buta-bukan-penghalang-untuk-berdikari>
- Normal baru mungkin kebiasaan yang kekal. (2020). *Malaysiakini*. Dicapai pada 18 November 2020, daripada <https://www.malaysiakini.com/news/527057>
- Nunu Nurdiana, Enang Rusnandi & Tryo Mastryana. (2017). Visualisasi mata manusia berbasis multimedia. *Prosiding SINTAK 2017*. Universitas Stikubank Semarang, Indonesia. 11 November 2017.
- Nur Rahmawati & Didah Nurhamidah. (2018). Makna leksikal dan gramatikal pada judul berita surat kabar *Pos Kota*. *Jurnal Sasindo Unpam*, 6(1), 39–54.
- Nurul Huda Mohd Saad, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. (2015, 20-21 Januari). Penelitian semula makna imbuhan meN-: Kajian eksplisit vs implisit. Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2015). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Peluang kerja terhad, dorong OKU penglihatan mengemis - MAB. Dicapai pada 15 April 2022, daripada [https://www.bernama.com/bm/b\\_fokus/news.php?id=2053233](https://www.bernama.com/bm/b_fokus/news.php?id=2053233)
- PKPB di Kedah, T'ganu, dan Johor mungkin ditamat jika situasi tambah baik. (2020). *Malaysiakini*. Dicapai pada 18 November 2022, daripada <https://www.malaysiakini.com/news/551188>
- Sarah Atika Dewi. (2019). *Kohesi leksikal pada wacana berita dalam majalah sekolah Asparagus Edisi 2016-2018 dan pemanfaatannya sebagai alternatif materi pembelajaran menulis teks berita di SMP* (Tesis Sarjana Pendidikan tidak diterbitkan). Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan. Universitas Jember.
- Siti Aminataz Zuhriyah. (2020). Analisis kohesi leksikal pada berita olahraga di surat kabar *Solopos* Edisi Oktober 2019. *ESTETIK: Jurnal Bahasa Indonesia*, 3(1), 27–40.
- Siti Farihan Anuar. (2011). The cutest blog on the block. Dicapai pada 20 April 2022, daripada <http://mygreatlife5982.blogspot.com/2011/01/cari-dengan-mata-bukan-dengan-hidung.html>
- Tok Jabit. (2016). Lima kaitan mata dengan masalah hati. *HASRULHASSAN.COM*. Dicapai pada 19 April 2022, daripada <https://www.hasrulhassan.com/2016/08/5-kaitan-mata-dengan-masalah-hati.html>
- Tri Putriana. (2021). Analisis konten jurnal: Kohesi leksikal dalam berita utama *Harian Riau Pos* dalam kajian: Ontologi, epistemologi dan aksiologi. *Jurnal Penelitian Bidang Pendidikan*, 27(2), 71–81.
- Vitrianda Hilba Siregar. (2021). Faedah mengingat kematian, mempersiapkan diri berjumpa dengan Allah. MUSLIM. Dicapai pada 20 April 2022, daripada <https://muslim.okezone.com/read/2021/09/04/330/2466072/faedah-mengingat-kematian-mempersiapkan-diri-berjumpa-dengan-allah>.
- Vivekananda A/L Marie, Shahril Nizam Sha'Ri, Rohaidah Kamaruddin & Hasnah Mohamad. (2021). Pengaruh penggunaan bahasa dalam laporan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain bola sepak. *International Social Sciences and Humanities Journal*, 4(1), 23–37.
- YinYan Wang. (2021). Analisis wacana kritis laporan berita tentang COVID-19 di *People's Daily* dan *The New York Times*. *Jurnal IPTEK-KOM: Jurnal Ilmu Pengetahuan dan Teknologi Komunikasi*, 23(1), 49–62.
- Zamanuddin Jusoh. (2015). Empat masalah jika terlalu cintakan dunia. *BHONLINE*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/08/75306/agama-empat-masalah-jika-terlalu-cintakan-dunia>.